



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PEMIKIRAN DALAM NOVEL-NOVEL KHADIJAH HASHIM

MASRIZAYU MUSTAFA.

FBMK 2006 10



PEMIKIRAN DALAM NOVEL-NOVEL KHADIJAH HASHIM



**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

Jun 2006



DEDIKASI

Terima kasih abah dan emak
Haji Mustafa Ahmad dan Hajah Zainon Abas
Atas kasih sayang tiada penghujung
Memberiku 'dunia' dan mendidikku menjadi 'manusia'

Terima kasih abang dan isteri
Musrizal Mustafa dan Nafizah Ismail
Atas pengertian dan sumbangan
Membantuku tanpa jemu dengan harapan yang satu

Terima kasih inspirasiku
Zal Hazmi Musrizal
Atas kehadiran yang kunantikan
Membakar semangat untuk meneruskan cita

Terima kasih kaum keluarga
Atas doa yang tidak pernah putus
Mengiringi jejakku hingga ke puncak

Terima kasih guru-guru
Atas sumbangan dan bimbingan
Memastikan aku beroleh kejayaan



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PEMIKIRAN DALAM NOVEL-NOVEL KHADIJAH HASHIM

Oleh

MASRIZAYU MUSTAFA

Jun 2006

Pengerusi : Arbai'e bin Sujud, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat dan rumusan tentang pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim. Dalam menganalisis 10 buah novel Khadijah Hashim yang dijadikan bahan kajian, peneliti menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Objektif kajian ini untuk menganalisis pemikiran yang diungkapkan oleh Khadijah Hashim dalam novel-novel yang dikaji.

Penyelidikan ini menyentuh beberapa kajian lalu, buku-buku dan kertas kerja yang memperkatakan tentang pemikiran. Kajian ini juga menganalisis pemikiran yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi. Aspek-aspek ini diteliti untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

THOUGHT IN KHADIJAH HASHIM'S NOVELS

By

MASRIZAYU MUSTAFA

June 2006

Chairman : Arbai'e bin Sujud, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The main objective of this study is to gather information and draw conclusion on Khadijah Hashim's view in the novels. Ten novels have been studied using the sociology approaches. Therefore, the objective of this study is to analyse Khadijah Hashim's view that she has explored in her novels.

The study has also examined several previous studies, books and seminar papers which discuss on thoughts. This study also analyses issues which are related to sociocultural, sociopolitical and socioeconomic aspects. These aspects have been examined closely in order to identify its relation with society



PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya kepada Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat saya menyelesaikan penulisan tesis ini.

Dalam melaksanakan penyelidikan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Arba'ie Sujud selaku pengurus penyeliaan, Dr Haji Abd Rahim Marasidi dan Puan Hjh Halimah Hassan yang banyak memberikan saranan idea, membimbang dan menyemak tesis ini sepanjang masa sehingga dapat diselesaikan.

Rakaman terima kasih juga saya tujukan kepada Dr Ramli Isin, Tuan Hj Mohd Kasim Ismail, dan Allahyarham Dato Kamaruzzaman Kadir (Dharmawijaya) kerana sudi memberikan pandangan dan kemudahan meminjamkan buku-buku yang amat berharga dalam melaksanakan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada responden, iaitu penulis novel Khadijah Hashim kerana memberikan kerjasama bagi menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan moral dan membantu ketika diperlukan

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga kepada abah dan emak atas doa, pengorbanan dan kasih sayang yang tiada penghujungnya. Doa kalian telah dimakbulkan. Kepada Zal Hazmi yang menjadi sumber inspirasi dengan senyum dan tawanya. Semoga

jalan yang dirintis menjadi pendorong buatmu pada masa depan. Buat seorang sahabat yang sentiasa meyakini dan banyak membantu, budimu tetap dikenang. Terima kasih juga kepada seluruh keluarga terutamanya yang sentiasa memberikan galakan. Tanpa kalian semua ini pastinya mustahil untuk direalisasikan.

Wassalam

MASRIZAYU MUSTAFA

PT 733 Desa Permai Serting Tengah
72200 Batu Kikir Negeri Sembilan



JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB	
 I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	4
Kepentingan Kajian	6
Objektif Kajian	7
Batasan Kajian	8
Definisi Konsep dan Istilah	9
Pengarang dan Kepengarangan	12
 II SOROTAN LITERATUR	13
Kajian tentang Aspek Pemikiran dalam Novel Melayu	13
Kajian tentang Novel-Novel Khadijah Hashim	21
 III METODOLOGI	24
Kaedah Kajian	24
Penganalisisan Bahan	24
Pendekatan Kajian	25
Kerangka Konsepsi	32
 IV PEMIKIRAN DALAM NOVEL-NOVEL	
KHADIJAH HASHIM	33
Pendahuluan	33
Aspek Pendidikan	34
Aspek Kebudayaan	45
Aspek Hak Kebebasan wanita	72
Aspek Tradisi	79

Fenomena sosial	82
Fenomena manusia	83
Fenomena Ekonomi	93
Fenomena Keluarga	99
Faktor-Faktor Mempengaruhi Pemikiran Khadijah Hashim Dalam Novel-Novel Yang Dikaji	101
V RUMUSAN DAN KESIMPULAN	119
BIBLIOGRAFI	129
BIODATA PENULIS	139



SENARAI RAJAH

Rajah

1

Kerangka Konsepsi

Muka Surat

29



SENARAI SINGKATAN

SPM Sijil Pelajaran Malaysia

BS Badai Semalam

JKK Jalan Ke Kubur

BDM Bila dan Di Mana

DTK Di Tengah Kabus

DRM Di Ruang Mu Aku Di Sini

MPTL Merpati Putih Terbang Lagi

CK Cinta Kedua

AH Alun Hidup

SA Senator Adila

MA Mencari Azizah



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Kemunculan penulis wanita dalam bidang novel baharu sahaja dikesan pada tahun 1940-an. Hal ini dinyatakan oleh Safian Husin (1981:143) bahawa pada tahun 1940-an tampil dua orang penulis wanita yang mula menceburkan diri dalam bidang penulisan novel, iaitu Rafiah Yusuf yang mencipta novel *Cerita Budiman* (1941) dan A. Kamariah dengan novelnya yang berjudul *Dua Pengembala* (1941). Kemunculan penulis wanita adalah lebih lewat daripada penulis lelaki kerana faktor sosial seperti pendidikan yang membataskan wanita untuk berkarya. Namun dengan kelahiran novel-novel awal ini telah merintis kepada penglahiran penulis-penulis wanita lain yang memaparkan pelbagai tema dan persoalan yang rata-ratanya mengenai wanita secara lebih tuntas dan menyeluruh.

Penulis-penulis wanita lebih suka memilih tema yang berhubungan langsung dengan masalah mereka dan terutama sekali mengenai rumah tangga dan keluarga. Malah mereka cuba memberikan gambaran yang positif tentang kedudukan kaum wanita di dalam karya-karya mereka agar dapat memberikan impak kepada pembaca agar mencontohi watak-watak wanita positif yang mereka gambarkan di dalam karya. Perkara ini secara tidak langsung dapat meningkatkan imej wanita di mata masyarakat. Hal ini disokong oleh Rosnah Baharudin yang menyatakan bahawa hanya novelis-novelist

wanita sahaja yang benar-benar dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai kedudukan wanita dalam masyarakatnya yang sekaligus dapat menaikkan imej kaum wanita itu sendiri (Rosnah Baharudin,1979:78).

Kemunculan penulis-penulis wanita telah memberi warna dan corak pilihan kepada pembaca untuk memilih novel-novel yang disukai. Dalam hal ini, pelbagai pemikiran cuba diungkapkan oleh penulis wanita di dalam karya-karya yang dihasilkan. Mereka bukan sahaja menggarap hal kewanitaan malah turut mencakupi pelbagai persoalan yang menyeluruh, berkaitan dengan masalah kehidupan merentasi politik, ekonomi dan sosial. Hal ini bersesuaian dengan sikap wanita yang halus dan tajam persepsinya. Malah wanita juga adalah manusia yang tekun dan tidak mudah bosan. (Rogayah A Hamid.1998:17).

Menurut Rosnah Baharudin (1979:195) dekad 1960-an memperlihat kemunculan penulis-penulis wanita dengan membawakan isu dan persoalan semasa yang telah diterap dan diadun di dalam novel-novel mereka dengan keindahan estetika. Antara penulis-penulis wanita tersebut ialah Salmi Manja yang menghasilkan dua buah novel iaitu *Hari Mana Bulan Mana* (1960) dan *Dari Mana Punai Melayang* (1961). Novel *Hari Mana Bulan Mana* menggambarkan citra wanita progresif, sedar akan diri dan memperjuangkan gendernya. Selain itu, Hamidah Hassan telah menghasilkan novel *Meniti Pelangi* (1964). Adibah Amin pula menghasilkan *Seroja Masih Di Kolam* (1968).

Khadijah Hashim telah menulis novel *Badai Semalam* (1968) yang menonjolkan golongan wanita baru yang dapat dianggap sebagai watak yang dinanti-nantikan. Wanita

baru ini bercirikan wanita moden yang berjuang bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita dan keinginan dan akhirnya ia teguh berdiri di atas kakinya sendiri (A Wahab Ali.1989:156).

Khadijah Hashim telah membawa persoalan baru dalam karya ketika itu dengan memaparkan watak wanita yang melangkah dengan yakin ke dalam milleu sosial negara yang baru merdeka. Pada era 60-an belum ramai wanita profesional seperti doktor, peguam, jurutera terutama sekali wanita Melayu. Peluang pendidikan selepas merdeka tidak mengira gender namun sikap masyarakat masih tebal bahawa anak perempuan cukup setakat sekolah rendah atau menengah terutama di kampung-kampung. Fenomena ini telah mencetuskan idea untuk Khadijah Hashim menghasilkan novel *Badai Semalam* bagi mengubah pemikiran masyarakat ketika itu. Perkara ini dinyatakan oleh beliau dalam tulisannya yang bertajuk “Saya dan Badai Semalam” di dalam *Dewan Sastera* Disember 1999.

Khadijah Hashim terus aktif dalam berkarya selepas kejayaan novel sulungnya *Badai Semalam*. Pada masa kini terdapat 19 buah novelnya yang telah berada di pasaran dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Menurut Rosnah Baharudin (2003:181) kemampuan Khadijah Hashim menghasilkan novel semenjak 1968 banyak bergantung kepada ketekunannya menghasilkan novel dan beberapa faktor yang ada pada novel itu sendiri menyebabkan beliau muncul sebagai pengarang yang terkenal di Malaysia.

Berdasarkan fenomena-fenomena tersebut telah mendorong pengkaji untuk melihat pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim. Sebagai novelis yang telah

berkecimpung lama dalam penulisan pastinya pelbagai pemikiran dapat dilihat di dalam karya-karyanya, terutama novel.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan untuk meneliti aspek pemikiran yang ditonjolkan oleh Khadijah Hashim dalam bidang penulisan novel. Persoalan mengenai pemikiran yang diungkapkan dalam novel adalah menarik untuk dikaji. Hal ini kerana pemikiran merupakan pusat utama dapat dilihat gagasan seseorang penulis memperlihatkan perjuangan mereka menerusi hasil-hasil seninya (Baha Zain,1991:18-21).

Kehadiran Khadijah Hashim dalam arena kesusasteraan di Malaysia memang sangat dirasakan pentingnya. Beliau merupakan seorang pengarang wanita yang prolifik kerana telah menghasilkan banyak karya dalam penulisan cerpen dan novel. Kebanyakan pengkaji banyak mengkaji tentang citra wanita dalam novel-novel Khadijah Hashim. Antaranya ialah Chin Hye Run dalam tesis sarjananya dan Siti Khariah Mohd Zubir dalam tesis doktor falsafahnya. Sedangkan pada pendapat pengkaji terdapat pelbagai aspek lagi perlu diberi penekanan sewajarnya terutama sekali aspek pemikiran.

Meneliti novel-novel yang telah dihasilkan oleh Khadijah Hashim telah menimbulkan persoalan berkaitan dengan aspek pemikiran yang diungkapkan. Hal ini kerana Khadijah Hashim merupakan seorang novelis yang prolifik ekoran keproduktifannya menghasilkan karya. Hal ini dinyatakan oleh Rogayah A Hamid dalam artikelnya yang bertajuk “Wanita dan Penulisan: Suatu Tinjauan dalam Dunia Penerbitan Buku” dalam

Dewan Sastera 1998 . Maka kesan daripada penulisan novel yang pelbagai ini dapat dilihat kepelbagaian pemikiran yang diungkapkan oleh beliau. Dalam konteks ini, perlu dianalisis pemikiran yang diungkapkan oleh Khadijah Hashim dalam novel-novel yang dikaji serta persoalan dan isu-isu dominan yang sering diungkapkannya.

Di samping itu perlu juga dilihat faktor-faktor yang mendorong Khadijah Hashim dalam menghasilkan novel-novelnya. Sesbuah karya yang ditulis tidak dihasilkan tanpa sebarang sebab atau tujuan. Dalam hal ini penulis lebih tahu dan diberikan hak kebebasan menentukan tujuan karya itu dihasilkan selaras dengan pemikiran yang diungkapkan. Walaupun penulis mempunyai kebebasan dalam menyatakan pemikiran namun timbul persoalan samada pemikiran yang diungkapkan itu dipengaruhi atau tidak oleh faktor-faktor tertentu. Justeru dalam hal ini penelitian perlu dilakukan bagi mengenal pasti faktor-faktor mempengaruhi atau mendorong pengungkapan sesuatu pemikiran dalam novel yang dihasilkan oleh Khadijah Hashim.

Berdasarkan persoalan-persoalan yang ditimbulkan itu, pengkaji memikirkan perlu ada kajian lanjut untuk menjawab dan merungkai permasalahan dalam novel-novel yang dikaji dengan memberi fokus dan tumpuan kepada pemikiran. Hal ini kerana sehingga kini kajian yang menyentuh aspek pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim masih berkurangan dan belum meluas serta perlu diberi perhatian. Selain itu, dapat memperbanyak lagi kajian tentang penulis wanita dalam perkembangan sastera di Malaysia. Justeru, kajian ini perlu dilakukan.

Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini diharapkan dapat mempelbagaikan corak kajian terhadap sastera Melayu dalam menyingkap pemikiran dan kreativiti pengarang. Masyarakat akan lebih memahami pemikiran yang cuba diungkapkan oleh Khadijah Hashim berdasarkan realiti kehidupan masyarakat umum pada waktu itu. Selain itu akan dapat pula meneliti sejauhmana pengarang ini berjaya membawa kesedaran dari cerminan latar kehidupan dan permasalahan masyarakat di luar dalam bentuk novel sebagai tatapan khalayak. Maka diharapkan akan dapat membuatkan khalayak umum lebih memahami karyanya dalam memberikan kesedaran melalui penerapan nilai-nilai murni yang ada di dalam novel-novelnya untuk tatapan khalayak.

Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan landasan oleh pengkritik-pengkritik lain dalam menambah lagi kritikan dalam memartabatkan dan memajukan bidang kesusteraan tanah air. Penglibatan pengkritik dalam memberikan ulasan dan saranan terutamanya dalam bidang pemikiran akan dapat memartabatkan lagi bidang penulisan novel terutamanya di dalam novel-novel yang dihasilkan oleh penulis wanita. Maka kajian ini akan memperbanyak khazanah kritikan dan kajian novel. Kajian ini diharapkan dapat menambah kuantiti penulisan kreatif di samping meningkatkan kualiti penghasilan novel di negara ini. Malah diharapkan kajian ini juga dapat dijadikan satu anjakan paradigma dalam meneliti pemikiran yang masih kurang meluas dikaji.

Di samping itu kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji-pengkaji lain yang ingin melihat pemikiran yang diungkapkan oleh penulis wanita. Diharapkan maklumat yang

diperoleh melalui kajian ini akan membantu pengkaji lain memperhalusi dan memperdalam kajian tentang aspek pemikiran penulis-penulis wanita lain secara lebih terperinci. Pengkaji-pengkaji terdahulu kurang menitik beratkan tentang pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim. Mereka lebih memberikan tumpuan kepada citra wanita. Walaupun Khadijah menggunakan watak wanita sebagai pendokong utama dalam novelnya namun beliau tidak mengkesampingkan watak lelaki dalam karyanya. Maka pastinya pemikiran yang pelbagai dapat dilihat di dalam novel-novelnya yang bukan hanya tertumpu pada persoalan wanita semata-mata. Maka dengan kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat kepada pengkaji lain.

Objektif Kajian

Objektif kajian bagi penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Untuk menganalisis dan membincangkan aspek-aspek pemikiran yang diutarakan oleh Khadijah Hashim dalam novel-novel yang dijadikan bahan kajian.
2. Untuk mengenal pasti dan membincangkan pemikiran yang paling dominan dalam novel-novel Khadijah Hashim yang dijadikan bahan kajian.
3. Untuk mengenal pasti dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran Khadijah Hashim dalam novel-novel yang dikaji.

Batasan Kajian

Kajian dibataskan kepada novel-novel Khadijah Hashim yang mewakili setiap zaman penulisannya. Terdapat 19 novel Khadijah Hashim yang telah dihasilkannya. Pengkaji telah memilih 10 daripadanya untuk dijadikan bahan kajian. Novel itu dipilih berdasarkan sebab antara novel yang popular dan sering diperkatakan oleh pengkritik lain dan memaparkan isu yang lebih sesuai untuk dijadikan bahan kajian. Dalam kajian ini juga pengkaji telah menggunakan novel-novel Khadijah Hashim yang terkini namun novel-novel itu telah dihasilkan pada era 60-an, 70-an, 80-an dan 90-an.

Bagi mewakili zaman 60-an pengkaji telah memilih dua novel iaitu *Badai Semalam* (2000) dan *Jalan Ke Kubur* (1969). Zaman 70-an diwakili oleh novel *Merpati Putih Terbang Lagi* (2000). Bagi era 80-an pengkaji telah memilih tiga novel iaitu *Bila dan Di Mana* (1996), *Di Tengah Kabus* (1991) dan *Cinta Kedua* (2000). Pengkaji memilih tiga novel ini sebagai mewakili era 80-an kerana novel-novel lain yang dihasilkan oleh Khadijah pada era 80-an lebih menjurus kepada novel remaja. Justeru pengkaji melihat bahawa tiga novel ini yang sesuai dijadikan bahan kajian kerana pemaparan isu yang lebih berat dan global.

Novel *Bila dan Di Mana* sendiri merupakan sebuah novel berat kerana memaparkan dunia sebenar wartawan dan syarikat akhbar. Perkara ini disokong oleh pendapat Adibah Amin (1983), yang menyatakan bahawa Khadijah Hashim telah berjaya memberikan

sumbangan bermutu kepada kesusasteraan tanah air apabila berjaya menghasilkan novel *Bila dan Di Mana* yang memaparkan situasi sebenar dunia suratkhabar dan wartawan.

Pengkaji telah memilih 4 novel era 90-an sebagai bahan kajian kerana merasakan pada era ini Khadijah Hashim lebih memperlihatkan persoalan yang lebih berat dan merentasi zaman kerana tidak lagi bergantung kepada suatu-suatu aspek sahaja seperti percintaan. Novel-novel era 90-an yang telah dipilih ialah *Alun Hidup*(2000), *Senator Adila* (2000), *Di Ruangmu Aku Di Sini* (1996) dan *Mencari Azizah* (2001).

Menurut Rosnah Baharudin (2003:182) pengalaman pahit manis kehidupan keluarga Melayu dalam Alun Hidup telah menyebabkan Christine Campbell, seorang sarjana wanita Autralia telah menterjemahkan novel ini ke dalam bahasa Inggeris. Justeru itulah pengkaji telah memilih 10 novel Khadijah Hashim sebagai kajian kerana merasakan novel-novel ini dapat memperlihatkan pemikiran Khadijah Hashim dalam di dalam karya.

Definisi Konsep

Bagi memastikan perbincangan yang dilakukan selaras dengan objektif kajian, beberapa kata dan frasa akan didefinisikan dan diuraikan.

Pemikiran

Pemikiran berasal dari kata bahasa Arab ‘fik’r’ bererti berfikir iaitu melibatkan proses berfikir. Menurut S Othman Kelantan (1997:6), kalimat arab iaitu fikrun atau afkar yang

bermaksud fikiran daripada kata akar fakara, yakfiru, fikran, fakkara, tafakkara dan iftakara yang bererti memikir perkara itu, memikirkan sesuatu; atau fikkir, faikar yang bererti yang banyak berfikir atau tafakur yang memberi erti hal-hal tentang berfikir.

Menurut Mohd Yusof Othman (1995:59) pemikiran mempunyai pengertian yang luas dan boleh diterangkan dalam pelbagai pendekatan. Namun berfikir yang pastinya suatu usaha atau proses untuk meningkatkan pengetahuan atau ilmu seseorang. Oleh itu hanya orang yang mampu berfikir boleh melakukan perubahan dan menjana aktiviti-aktiviti yang bersifat kreatif dan membangun. Kemampuan dan keluasan berfikir tidak akan menjadikan stereotype dalam tindakan dan amalannya.

Bagi S. Othman Kelantan (1997:269) pemikiran bermaksud idea yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan fakulti kritikan dalam mindanya untuk memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakatnya. Pemikirannya disebarluaskan ke dalam atau ke luar lingkungan masyarakatnya. Hal ini berkemungkinan kerana memikirkan ancaman yang muncul pada zamannya, golongan intelektual ini merakamkan ketidaksenangan dan kegelisahannya dalam bentuk novel. Pemikiran yang tersembunyi dalam novel dikaji untuk melihat keupayaan dan keunggulan pengarang Melayu meluahkan perasaan mereka yang pelbagai. Oleh itu pemikiran dalam novel juga dapat dilihat melalui watak-watak yang beraneka ragam.

Dalam konteks kreatif pula, Mana Sikana (1988:37) menjelaskan pemikiran sebagai gagasan atau persoalan induk. Pemikiran adalah peristiwa yang tersurat dan tersirat dari peristiwa yang hendak dikemukakan. Dengan demikian, apa-apa yang ingin disampaikan

oleh pengarang merupakan pemikiran iaitu proses menyampaikan mesej yang terkandung dalam fikiran penyair atau pengarang.

Menurut Samsina Abd Rahman (1990:39) pemikiran adalah tanggapan atau siratan-siratan yang tetap terhadap sesuatu benda atau perkara dan ia boleh dijadikan pegangan yang di dalamnya terdapat perkara-perkara yang diketahui sebagai langkah pertama untuk membentuk satu pandangan atau penyelesaian yang dapat digambarkan serta dapat diterima akal.

Hashim Awang (1997:16) pula menegaskan bahawa pemikiran utama harus dinilai dengan cara yang sama seperti pemikiran yang dinyatakan oleh watak-watak dalam karya, bukan lebih banyak tertumpu kepada bentuk pemikiran itu tetapi bagaimana indahnya, bagaimana dengan jelas dan halus pemikiran itu dikemukakan.

Menurut Asmah Haji Omar (1986:17) pemikiran ialah kegiatan yang berlaku di dalam otak apabila menghadapi sesuatu keadaan, perbuatan dan sebagainya. Hasil daripada pemikiran adalah fikiran. Manakala bagi Mohd. Michael Abdullah (1995:1) menyatakan pemikiran merujuk kepada kebolehan manusia untuk mencipta gagasan-gagasan dan pengertian, berhujah, menilai dan membuat keputusan. Manusia dikurniakan kebolehan berfikir tetapi kemampuan berfikir setiap orang berbeza antara satu dengan yang lain tentang cara menggunakan kebolehan itu.